



## Kempen Pelancaran Perbankan Dalam Talian Connect Credit Shield Premier

### **TEMPOH PROMOSI**

**Kempen Pelancaran Perbankan Dalam Talian Connect Credit Shield Premier (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”)** bermula pada 1 Ogos 2019 dan berakhir pada 31 Oktober 2019 (“Tempoh Promosi”), termasuk kedua-dua tarikh melainkan diberitahu sebaliknya.

HLB juga akan dikenali sebagai “Bank”.

### **Terma & Syarat**

Berikut adalah **terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (“T&S”):-**

### **Kelayakan**

1. Promosi ini dibuka untuk semua pelanggan individu yang baharu dan sedia ada yang merupakan pemegang kad utama Kad Kredit HLB dan yang telah mendaftar dengan Hong Leong Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi (“**Pelanggan**”).
2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisyiharkan bankrap atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai atau serta-merta akan hilang kelayakan untuk menyertai Promosi.
3. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank sebagai berpotensi untuk melakukan mana-mana perbuatan salah yang dinyatakan di sini, akan serta-merta hilang kelayakan untuk menyertai Promosi.

### **Tatacara Promosi**

4. Pelanggan yang berjaya membeli Credit Shield Premier menerusi Perbankan Dalam Talian Connect semasa Tempoh Promosi dan terus melanggan selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pembelian (“**Tempoh Langganan**”) berpeluang menerima Pulangan Tunai sebanyak RM50.
5. Pelanggan yang tidak berjaya membeli atau pembelian yang diluluskan selepas Tempoh Promosi tidak layak menerima Pulangan Tunai RM50.
6. Pelanggan yang membatalkan Credit Shield Premier atau mana-mana Kad Kredit HLB dalam Tempoh Langganan akan dibatalkan daripada menerima Pulangan Tunai RM50.
7. Setiap pelanggan hanya layak membuat satu (1) pembelian Credit Shield Premier.
8. Pulangan Tunai RM50 dihadkan kepada 1,000 pembelian sahaja dan diberikan kepada Pelanggan mengikut siapa cepat dia dapat, terhad kepada satu bagi setiap orang (“**Pemenang**”).

### **Pemilihan Pemenang dan Pembayaran Pulangan Tunai**

9. Pemilihan Pemenang akan mengikut budi bicara mutlak Bank berdasarkan kriteria yang ditetapkan di atas dan ditentukan berdasarkan data yang dirakam oleh Bank.
10. Pengumuman para Pemenang akan dibuat sebelum atau pada 29 Februari 2020 (“**Tarikh Pengumuman Pemenang**”) melalui platform media sosial Bank dan laman web Promosi.

11. Pulangan Tunai RM50 akan dikreditkan ke dalam Kad Kredit HLB yang paling aktif/paling kerap digunakan yang dipegang oleh Pemenang sebagaimana yang ditentukan oleh Bank, sebelum 31 Mac 2020.
12. Sekiranya Pemenang tidak menerima Pulangan Tunai selepas 31 Mac 2020, mereka hendaklah memaklumkan kepada Bank tentang Pulangan Tunai yang tidak diterima. Sekiranya gagal berbuat demikian, mereka akan dianggap sebagai telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang permintaan untuk pembayaran balik Pulangan Tunai tidak akan dilayan oleh Bank.
13. Bagi mengelakkan kekeliruan, Bank berhak secara mutlak untuk menentukan sama ada Pemenang layak untuk menerima apa-apa Hadiah Tunai dan sebarang pertikaian berhubung keputusan Bank tidak akan dilayan.
14. Pemenang perlu mengekalkan akaun Kad Kredit HLB mereka sehingga 31 Mac untuk Pulangan Tunai RM50 dikreditkan, dan jika gagal Pulangan Tunai RM50 akan dibatalkan mengikut budi bicara mutlak Bank.

#### **AM**

15. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
  - (a) Untuk membaca, memahami dan terikat dengan T&S yang terkandung;
  - (b) Bahawa keputusan Bank dalam semua hal berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikai dan terikat bagi semua Pelanggan dan surat menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayan;
  - (c) untuk mengakses laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“**Laman Web HLB**”) pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
  - (d) untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
16. Bank berhak:
  - (a) Untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlak Bank dengan cara memaparkannya di Laman Web HLB, atau melalui apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan notis awal;
  - (b) Untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan dalam Promosi ini atas sebarang sebab yang menurut budi bicara Bank dianggap sesuai tanpa memberikan sebarang sebab.
17. T&S yang terkandung, Helaian Pendedahan Produk Credit Shield Premier, dan Terma dan Syarat Hong Leong Connect hendaklah dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
18. Sekiranya berlaku percanggahan antara T&S ini berbanding dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S terakhir pada Laman Web HLB akan digunakan.
19. T&S akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.